

09 APR 1996

Mahathir - Surat Layang

HAKIM TERLIBAT DENGAN SURAT LAYANG AKAN DIKENAKAN TINDAKAN

KUALA LUMPUR, 9 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana hakim yang terlibat menulis surat layang berisi pelbagai tuduhan terhadap beberapa orang hakim di negara ini.

Perdana Menteri berkata jika benar surat layang terhadap beberapa orang hakim itu ditulis oleh kalangan hakim sendiri, orang itu tidak layak menjadi hakim kerana hakim, sebagai golongan yang dihormati dan dipercayai oleh rakyat, tidak wajar berbuat demikian.

"Kalau awak tulis surat layang saya tidak berapa peduli sangat. Tapi kalau benarlah hakim keluar surat layang, kita semua menaruh kepercayaan yang penuh kepada sistem kehakiman, macam mana kita hendak pergi menghadap hakim itu," katanya ketika ditanya pemberita mengenai surat layang melibatkan hakim, di Bangunan Parlimen, di sini.

Sehubungan itu, beliau berkata kerajaan perlu menyiasat surat layang itu yang kini tersebar luas kerana jika tiada tindakan, ia boleh menghakis keyakinan rakyat terhadap sistem kehakiman di negara ini.

Katanya surat layang itu bukan seperti surat-surat layang lain kerana ia membabitkan sebuah institusi yang mempunyai kuasa mutlak untuk menjatuhkan hukuman terhadap seseorang, termasuk hukuman mati.

"Esok kalau orang pergi ke mahkamah, macam mana dia hendak ada kepercayaan kepada hakim yang biasa keluar surat layang, kalau benarlah ia dikeluarkan oleh hakim," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata kes itu akan ditutup jika siasatan Peguam Negara Datuk Mohtar Abdullah mendapati surat layang berkenaan bukan ditulis oleh hakim.

Ketika ditanya sama ada terdapat mana-mana hakim disoalsiasat berhubung perkara itu, Perdana Menteri berkata setakat ini Peguam Negara belum lagi mengemukakan laporan siasatannya.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan ada hakim yang akan disoalsiasat kerana apa yang perlu dibuktikan ialah sama ada terdapat hakim terlibat dalam penulisan dan pengedaran surat layang itu atau tidak.

"Kita perlu siasat kerana ini melibatkan tuduhan terhadap hakim. Jika tidak ada hakim terlibat kita akan tutup kes," katanya. -- BERNAMA.

AH NAK